

14/03/1997

#### Tabung Haji rancang projek rumah di Makkah

KUALA TERENGGANU, Khamis - Lembaga Urusan Tabung Haji (Tabung Haji) akan melaksanakan tiga projek usaha sama dengan Kumpulan Dallah Al-Barakah dari Arab Saudi bagi membina tempat penginapan jemaah haji Malaysia di sekitar Makkah.

Ketua Eksekutif Tabung Haji, Datuk Harun Baba, berkata perjanjian dengan syarikat itu akan ditandatangani Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman ketika musim haji ini.

Beliau berkata, tiga projek itu terletak berhampiran Hotel Hilton, Hotel Makkah dan di belakang istana Raja Arab Saudi di Makkah dan dijangka dapat menampung 25,000 jemaah haji negara ini.

"Tiga bangunan itu akan dilengkapi pelbagai kemudahan asas, termasuk hospital, dewan makan, bilik kaunseling dan tempat letak kereta. Projek itu akan dimulakan akhir tahun ini dan dijangka siap dua tahun lagi," katanya selepas majlis penyerahan cek zakat Tabung Haji sebanyak RM386,228.10 kepada Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, di sini, hari ini.

Harun berkata, apabila siap nanti, Tabung Haji tidak perlu lagi menyewa bangunan lain yang letaknya agak jauh dari Masjidil Haram dan Masjid Nabawi, di tanah suci itu.

"Tempat penginapan itu boleh menempatkan rakyat Malaysia yang mengerjakan umrah. Mengikut rekod, seramai 70,000 rakyat negara ini mengerjakan umrah tahun lalu," katanya.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Dr Abdul Hamid dalam rundingan sebelum ini juga meminta pihak Arab Saudi menyediakan kemudahan lebih baik kepada jemaah negara ini.

Sehubungan itu, Harun berkata, kerajaan Pusat juga bersetuju Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di Subang, terus digunakan untuk urusan penerbangan jemaah haji bukannya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di Sepang.

Menurutnya, Tabung Haji juga akan terus menggunakan kompleks jemaah haji di Kelana Jaya. Selain itu, akan meminta kebenaran kerajaan untuk menggunakan terminal dua atau tiga sebagai terminal penerbangan jemaah haji sebagaimana di Jeddah.

Harun berkata, seramai 36,237 orang memohon mengerjakan haji tahun ini dan jumlah pemohon terkumpul 56,570 orang, termasuk 1,386 dari Terengganu.

"Tabung Haji sudah menyediakan 33 perkhidmatan penerbangan, termasuk 24 melalui Penerbangan Malaysia dan 19 penerbangan Saudia Airlines, yang akan berlepas dengan penerbangan pertama mulai esok," katanya.

(END)